



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 OKTOBER 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

2 OKTOBER 2021 (SABTU)

350 aduan jual barangan kawalan lebihi harga ditetapkan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 350 aduan berkaitan penjualan barangan kawalan melebihi harga ditetapkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata aduan paling tinggi membabitkan minyak masak dengan 172 aduan, diikuti gas petroleum cecair (111), gula (28), kit ujian COVID-19 (17) dan masing-masing 11 aduan untuk pelitup muka serta tepung.

“Penguat kuasa KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, peniaga yang menjual melebihi harga kawalan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 bagi individu.

Sementara itu bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000, katanya.

Azman berkata, barang keperluan seperti gula pasir putih bertapis kasar dan halus, tepung gandum serba guna, minyak masak, gas petroleum cecair, pelitup muka serta kit ujian pantas antigen COVID-19 ditetapkan harga jualannya di semua jenis kedai dan platform perniagaan termasuk dalam talian.

“Penguat kuasa KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga”



Azman Adam,
Pengarah
Penguat
Kuasa KPDNHEP

Minyak masak antara 350 aduan barangan terkawal dijual mahal

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 350 aduan berkaitan penjualan barangan terkawal melebihi harga ditetapkan di seluruh negara setakat kelmarin.

Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, aduan paling tinggi membatik minyak masak dengan 172 kes diikuti gas petroleum cecair (172), gula (28), kit ujian Covid-19 (17), pelitup muka (11) dan tepung (11).

Beliau berkata, susulan itu, sebanyak 162 kertas siasatan telah dibuka atas kesalahan peniaga gagal mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

“Penguat kuasa KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga.

“Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Azman memberitahu, kementerian berharap semua peniaga di semua premis perniagaan ter-



SEBANYAK 172 aduan minyak masak dijual melebihi harga ditetapkan diterima KPDNHEP sehingga kelmarin. – GAMBAR HIASAN

masuk perniagaan dalam talian supaya mengikut semua garis panduan dan syarat termasuk menjual pada harga yang telah ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, mereka juga diingatkan bahawa harga yang telah ditetapkan bagi barangan dikawal itu tidak termasuk caj penghantaran.

“Pengguna juga diseru untuk tidak membeli barangan

yang dikawal dari premis atau platform dalam talian yang dijual melebihi harga yang telah ditetapkan kerajaan.

“Malah, pengguna juga diminta untuk melaporkan kepada KPDNHEP dengan memberi maklumat lengkap barang tersebut dengan tanda harga beserta lokasi premis dan platform melalui saluran aduan KPDNHEP,” jelasnya.

KPDNHEP terima 350 aduan barangan kawalan melebihi harga ditetapkan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 350 aduan berkaitan penjualan barangan kawalan melebihi harga ditetapkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, aduan paling tinggi membabitkan minyak masak dengan 172 aduan, diikuti gas petroleum cecair (111), gula (28), kit ujian Covid-19 (17) dan masing-masing 11 aduan untuk pelitup muka dan tepung.

"Penguat kuasa KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, peniaga yang menjual melebihi harga kawalan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 bagi individu.

Sementara itu, bagi syarikat, katanya, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Azman berkata, barang keperluan seperti gula pasir putih bertapis kasar dan halus, tepung gandum serba guna, minyak masak, gas petroleum cecair, pelitup muka dan kit ujian pantas antigen Covid-19, telah ditetapkan harga jualannya di semua jenis kedai dan platform perniagaan termasuk dalam talian.

"Ia bagi memastikan rakyat dapat menikmati barang keperluan pada harga terkawal, sekali gus mereka tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini," katanya. - *Bernama*

Jual mahal: Aduan berkaitan minyak masak paling tinggi

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 350 aduan berkaitan penjualan barangan kawalan melebihi harga ditetapkan dalam tempoh sembilan bulan pertamanya tahun ini.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, aduan paling tinggi membabitkan minyak masak dengan 172 aduan, diikuti gas petroleum cecair (111), gula (28), kit ujian Covid-19 (17) dan masing-masing 11 aduan untuk pelitup muka serta tepung.

"Penguat kuasa KPDNHEP

tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, peniaga yang menjual melebihi harga kawalan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu denda sehingga RM100,000 atau dipenjara jika tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM150,000 bagi individu. Sementara itu, bagi sya-



Penguat kuasa KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana peniaga yang melanggar garis panduan dan syarat serta harga"

Azman Adam



paun sehingga RM250,000, katanya.

Azman berkata, barang keperluan seperti gula pasir putih bertapis kasar dan halus, tepung gandum serbaguna, minyak masak, gas petroleum cecair, pelitup muka serta kit ujian pantas antigen Covid-19 sudah ditetapkan harga jualannya di semua jenis kedai dan platform perniagaan termasuk dalam talian.

"Ia bagi memastikan rakyat dapat menikmati barang keperluan pada harga terkawal, sekali gus tidak terbebani dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini," katanya menambah bahawa harga yang ditetapkan

itu tidak termasuk caj penghantaran.

Pengguna digalakkan membuat aduan terus ke-pada KPDNHEP dengan memberi maklumat lengkap mengenai barang berserta tanda harga dan lokasi premis atau platform, menerusi pelbagai saluran yang disediakan seperti WhatsApp 019-279 4317; Mobileapps Ez ADU KPDNHEP; portal e-aduan.kpdnhep; pusat panggilan 1-800-886-800; e-mel di e-aduan@kpdnhep.gov.my atau melalui Pusat Arahkan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245.

Traders under probe over price hike of controlled products

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry received 350 complaints on controlled items being sold above their fixed prices in the first nine months of this year.

The ministry's enforcement director Azman Adam said the most number of complaints were on cooking oil with 172 reports, followed by liquefied petroleum gas (111), sugar (28), Covid-19 test kits (17), face masks (11) and flour (11).

He said 162 investigation papers were opened against traders for allegedly breaching price controls and the cases were still under investigation.

"Traders selling above the recommended price can be subjected to action under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 and be penalised," he said in a statement yesterday.

Errant individuals can be fined up to RM100,000 or jailed not more than three years or both, or be compounded up to RM50,000. For companies, they can be fined up to RM500,000 or be compounded a maximum RM250,000.


Azman said essential goods such as coarse and fine white sugar, wheat flour, cooking oil, liquefied petroleum gas, face masks and Covid-19 antigen test kits, have had their selling prices fixed for all types of shops and business platforms, including online platforms.

"This is to ensure that people can enjoy essential items at controlled prices and are not burdened by any increase in the cost of living now," he said, adding that the prices set do not include delivery charges.

— Bernama

Penjenayah minyak masak subsidi

FOTO: HCSLITALIE



Kaut keuntungan jutaan ringgit seleweng minyak masak bersubsidi

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Mengaut keuntungan berganda dengan hasil penyelewang minyak masak bersubsidi. Itu antara taktik sindiket penyelewang minyak masak bersubsidi yang berjaya dikesan di beberapa kawasan di sekitar negeri ini.

Malah ada sindiket yang dikesan membeli pada harga subsidi RM2.50 bagi sepeket minyak sebelum menjual

Antara serbuan yang dijalankan KPDNHEP Selangor ke atas premis yang menjalankan kegiatan penyelewang minyak masak bersubsidi.

semula dalam bentuk botol dengan harga sehingga RM7.50 ke RM8.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi merupakan tindakan tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, mereka menyeleweng bekalan minyak masak bersubsidi untuk mendapatkan keuntungan lebih dengan kaedah yang menyalahi peruntukan undang-undang.

"Perlakuan ini melibatkan sindiket terdiri daripada individu atau syarikat yang pada hakikatnya telah diberikan lesen atau kuota sah untuk menyimpan dan memproses, membungkus dan mengedar bekalan minyak masak bersubsidi untuk kegunaan domestik.

"Selain itu, pihak ini turut dikesan menjual serta mengedar minyak masak bersubsidi ini kepada pihak tidak ber-

lesen atau tidak mempunyai kebenaran seperti yang diperuntukkan.

"Namun demi untuk memperoleh keuntungan berganda, mereka ini telah memanipulasi dengan menjual, mengedar minyak masak bersubsidi untuk kegunaan industri dan bukan untuk kegunaan isi rumah domestik," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi temu bual khas yang diadakan di Ibu Pejabat KPDNHEP Selangor baru-baru ini.

Katanya, modus operandi sindiket itu adalah mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi daripada pembekal.

"Minyak masak ini kemudiannya dikumpul dan dipindahkan ke tong-tong industri dan dijual semula oleh sindiket di pasaran.

"Menerusi siasatan yang dijalankan pihak KPDNHEP mendapati, ia dijual pada harga yang lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, terdapat juga sindiket yang membotolkan semula minyak masak ini sebelum menjual di pasaran.

"Ada sindiket yang dikesan membeli minyak masak subsidi dalam kuantiti yang banyak dan mereka akan membotolkan minyak ini sebelum menjualnya di pasaran," katanya.

Punca penyelewengan


Harga minyak masak subsidi yang jauh lebih rendah berbanding minyak masak tanpa subsidi menjadi antara faktor berlakunya penyelewengan minyak masak bersubsidi ini.

Menjelaskan perkara ini, Muhamad Zikril Azan berkata, kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi

ini menjadi pilihan sindiket untuk



MUHAMAD ZIKRIL AZAN



Minyak masak bersubsidi akan dibotolkan semula sebelum dijual ke pasaran.

menjana keuntungan.

“Perbezaan harga yang amat ketara iaitu bagi minyak masak tanpa subsidi adalah mengikut harga pasaran dunia yang mana ia melebihi RM4,500 bagi satu tan.

“Bagi minyak masak subsidi, kerajaan telah menetapkan harganya sebanyak RM2,100 bagi satu tan metrik. Perbezaan harga yang ketara menjadi salah satu faktor wujudnya kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi ini,” katanya.

Pinggir bandar jadi lokasi pilihan

Muhammad Zikril Azan berkata, sindiket kebanyakannya menyasarkan kawasan perindustrian yang agak tersorok di pinggir bandar dengan memilih stor, premis tidak berlesen dan kilang haram untuk menjalankan kegiatan mereka.

“Pemilihan lokasi sebegini dilihat sebagai salah satu taktik untuk mengaburi pihak berkuasa sebab kalau kita lihat dengan keadaan lokasi tidak sibuk sekali gus memudahkan sindiket menjalankan aktiviti.

“Kebanyakan premis ini kita lihat

dalam keadaan tidak terurus dan tanpa peralatan pejabat yang mana dijadikan sebagai lokasi penyimpanan minyak masak setelah ia dibotolkan,” katanya.

Menurutnya, terdapat juga sindiket yang dikesan bukan sahaja menjadikan premis ini sebagai tempat simpanan, malah sebagai tempat membotolkan minyak masak.

Lokasi dikawal tonto

Mendedahkan kepada *Sinar Harian*, Muhammad Zikril Azan berkata, lokasi sindiket penyelewengan minyak masak ini turut dijaga tonto.

“Memang lokasi premis atau kilang haram ini dijaga tonto, namun sebelum melaksanakan serbuan, kita akan membuat penilaian kawasan tersebut terlebih dahulu.

“Penilaian melibatkan dari sudut keselamatan anggota dan pegawai KPDNHEP ketika melaksanakan serbuan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku,” katanya.

Tambahnya, serbuan kebiasaannya akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa lain seperti polis agar serbuan dapat dijalankan dengan berkesan sekali gus tidak mengancam keselamatan.

Mengulas mengenai ancaman sepanjang menjalankan operasi, katanya, setakat ini tiada ancaman atau ugutan sepanjang operasi dijalankan.

“Dalam setiap operasi, perancangan adalah penting, seperti yang saya katakan, penilaian soal keselamatan itu yang kita utamakan.

“Setakat ini tiada ancaman diterima dan serbuan dijalankan dengan berkesan dan kebanyakan sindiket ini berjaya ditumpaskan,” katanya.

Menjelaskan mengenai statistik tangkapan melibatkan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi di Selangor ini, beliau berkata, setakat ini sedikit penurunan dicatatkan berbanding tahun lepas.

“Untuk tahun ini melibatkan enam kes secara keseluruhan merangkumi tiga kes serbuan melibatkan sitaan dokumen penyelewengan minyak masak dan tangkapan seramai lima suspek manakala tiga lagi kes serbuan melibatkan sitaan dokumen sahaja untuk siasatan lanjut.

“Bagi tahun 2020, sebanyak tujuh kes penyelewengan minyak masak dicatatkan, satu kes serbuan melibatkan sitaan dokumen berkaitan minyak masak, tangkapan melibatkan seorang individu, manakala enam kes serbuan melibatkan sitaan dokumen sahaja untuk siasatan lanjut,” katanya.

Pelaku terima tindakan tegas

Muhammad Zikril Azan turut mengingatkan kilang pembungkusan minyak masak bersubsidi agar tidak terlibat dalam aktiviti penyelewengan barangan kawalan itu atau berdepan tindakan undang-undang, termasuk kuota minyak masak bersubsidi ditarik balik oleh Kementerian.

Menurutnya, individu yang menjalankan kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

“Bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjarakan tidak melebihi lima



Pegawai KPDNHEP Selangor memeriksa sebuah premis yang dipercayai menjalankan kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi.

Dalam setiap operasi, perancangan adalah penting, seperti yang saya katakan, penilaian soal keselamatan itu yang kita utamakan.”

tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

“Bagi syarikat pula, ia bakal berdepan denda RM2 juta atas kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya,” katanya.

Beliau berkata, aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi memberikan kesan yang besar kepada negara.

“Kerajaan terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit gara-gara kegiatan tidak bertanggungjawab ini,” katanya.

Platform salur maklumat

Usaha untuk mencegah serta memerangi kegiatan yang menyalahi undang

-undang ini seharusnya ditangani semua pihak, kata Muhammad Zikril.

“Masyarakat yang mempunyai maklumat atau info berkaitan kegiatan penyelewengan ini boleh menyalurkannya ke pelbagai platform yang disediakan oleh KPDNHEP.

“Maklumat boleh disalurkan menerusi portal, talian KPDNHEP iaitu **1 800 886 800**, e-mel: **aduan@kpdnhep.gov.my**, aplikasi telefon pintar EZ ADU serta enforcement command centre di talian **03-8882 6245/6088**.

“Selain itu aduan turut boleh disalurkan di talian Malaysia Government Call Centre (MYGCC) di **03-8000 8000**, atau WhatsApp ke **019-279 4317** atau hadir ke mana-mana pejabat KPDNHEP di Selangor,” katanya.

Tambahnya, masyarakat tidak perlu kkuatir kerana identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan.

“Tindakan akan diambil segera terhadap sebarang kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi yang dilaporkan,” katanya.

**ANTARA AKTIVITI
PENYELEWENGAN YANG
DITUMPASKAN KPDNHEP**

6 FEBRUARI 2021

BUKIT MERTA JAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang membongkar kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi yang dilakukan oleh sebuah syarikat di Bukit Minyak di sini pada Sabtu.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, serbuan bermula jam 10 pagi itu turut merampas barang dagangan dianggarkan bernilai RM270,000 dan menahan seorang pekerja serta pemilik syarikat terbabit untuk siasatan lanjut.

25 FEBRUARI 2021

KULIM - Seorang lelaki berusia 63 tahun ditahan kerana disyaki menyalahgunakan lesen runcit menjual barang kawalan iaitu minyak masak bersubsidi di sebuah premis di Taman Emas kira-kira jam 10.30 pagi Rabu.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kulim, Mohd Fazly Edros berkata, lelaki yang mengaku sebagai pemilik perniagaan itu telah ditahan untuk siasatan lanjut.

25 JUN 2021

KUALA LUMPUR - Kegiatan penyelewengan bekalan minyak masak melibatkan nilai subsidi hampir RM1 juta yang dipercayai dilakukan sebuah premis pemborong di Bandar Tun Razak, di sini sejak April lalu akhirnya terbongkar dalam serbuan pada Khamis.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md Anuar berkata, serbuan kira-kira jam 12 tengah hari itu dijalankan hasil maklumat dan risikan.

10 OGOS 2021

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan di Pasir Mas, Kelantan pada Ahad.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Shamsul Nizam Khalil berkata, operasi dijalankan sepasukan Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan bersama Pasukan Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor dan Pasukan Gerak Am Polis Diraja Malaysia (PDRM) Batalion 8.

11 OGOS 2021

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan di dua premis di sekitar negeri ini dengan merampas 8,775 kilogram minyak masak bersubsidi pada Selasa.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, menerusi serbuan dijalankan, pihaknya berjaya merampas 18,000 kilogram (kg) minyak masak dengan 8,775 kg daripadanya merupakan minyak masak bersubsidi pekot satu kilogram.



Usaha dan operasi berterusan dijalankan KPDNHEP Selangor dalam membanteras kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi.



Senarai Harga Barang Keperluan

<ul style="list-style-type: none"> • Ayam RM5.99 • Daging Lembu Tempatan RM35 • Daging Lembu Import RM20 	<ul style="list-style-type: none"> • Telur Gred A RM11.70 • Ikan Kembung RM12.90 • Minyak Masak RM6.50 	<ul style="list-style-type: none"> • Gula Pasir RM2.85 • Bawang Besar Holland RM2.89 • Bawang Putih RM6.90 	<ul style="list-style-type: none"> • Cili Merah RM9.99 • Kubis Bulat Tempatan RM2.90 • Tepung Gandum RM2.19
--	--	--	---

**Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP*